

Pembangkok Membisu Isu Pelawa Ku Li
mStar Online
Ogos 03, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

PETALING JAYA: Sikap membisu pemimpin utama pakatan pembangkang berhubung dakwaan wujudnya pelawaan kepada Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah untuk menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pembangkang membuktikan kesahihan perkara berkenaan.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata, kemelut tersebut jelas menunjukkan pembangkang mula hilang keyakinan terhadap Anwar justeru wujud satu usaha untuk meminggirkan Ketua Pembangkang itu yang dilihat menjadi liabiliti kepada Pakatan Rakyat.

"Isunya bukan berkenaan Tengku Razaleigh untuk terajui pembangkang, tapi soal keruntuhan keyakinan mereka terhadap Anwar kerana pertemuan dengan Tengku Razaleigh dan pelawaan untuk beliau mengetuai Pakatan Rakyat adalah benar dan telah berlaku.

"Setakat ini hanya pencacai yang menyalak, pemimpin yang terlibat secara langsung dalam perundingan dengan Tengku Razaleigh diam 1,000 bahasa dan tak berani tampil membuat kenyataan," katanya pada sidang media di sini, Selasa.

Minggu lalu Zahrain yang juga bekas pemimpin PKR mendedahkan bahawa Tengku Razaleigh atau Ku Li dipelawa memegang jawatan Ketua Pembangkang sebagai persediaan jika Anwar disabit bersalah dalam kes liwat yang dihadapinya ketika ini.

Menurutnya, pucuk pimpinan pembangkang dikatakan menemui Ku Li baru-baru ini bagi membincangkan perkara tersebut memandangkan keberangkalan Anwar disabitkan bersalah dalam kes liwatnya adalah besar.

Bagaimana pada Isnin, Mursyidul Am PAS, Datuk Abdul Nik Aziz Nik Mat menerusi status facebooknya menyifatkan dakwaan Zahrain itu sebagai 'lawak jenaka'.

Justeru Zahrain yang tetap berpegang kepada maklumat yang diperolehinya itu mencabar Menteri Besar Kelantan berkenaan tampil membuat kenyataan secara terbuka bagi menafikan beliau mengadakan pertemuan dengan Tengku Razaleigh dan mempelawa veteran Umno tersebut 'melompat' dan memimpin Pakatan Rakyat.

"Janganlah Nik (Abdul) Aziz berselindung di sebalik nota di laman facebook kerana tidak mustahil Tok Guru PAS ini akan mengubah kenyataan seperti dalam isu biometrik baru-baru ini.

"Takkanlah Nik (Abdul) Aziz nak berbohong di bulan Ramadan ini... saya cabar beliau buat kenyataan terbuka. Jangan pula beliau nk berlakon seperti orang nyanyuk sedangkan kita tahu beliau belum lagi nyanyuk, lagipun kita tak tahu sama ada Nik Aziz atau orang lain yang menulis dalam facebook itu," katanya.

Ditanya mengenai penafian Anwar bahawa isu berkenaan tidak benar kerana beliau tidak mendapat maklumat mengenainya, Zahrain berkata Penasihat PKR itu tidak layak untuk menafikannya.

"Anwar tak layak nak nafi kerana memang beliau tak tahu tentang perkara ini. Rundingan berkenaan dibuat dibelakangnya tanpapengetahuannya. Mereka memang nak membelakangkan Anwar.

"Lagipun saya mendapat maklumat bahawa selepas pendedahan saya, Anwar mengadakan pertemuan dengan (Presiden PAS, Datuk Seri Abdul) HadiAwang dan (Penasihat DAP) Lim Kit Siang bertanyakan tentang halini...dan mereka sendiri menafikannya.

"Memanglah mereka nafi sebab bukan mereka yang terlibat... Nik (Abdul)Aziz yang berjumpa Ku Li bukannya Abdul Hadi. Malah DAP pun bukandiwakili oleh Lim Kit Siang, ada pemimpin lain," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/3/mstar_berita/20110802162912&sec=mstar_berita